

# Pelajar UMS azam catat rekod baharu

BH 24.1.2014 15

**Kota Kinabalu:** "Saya gembira kerana dapat menamatkan larian dua jam dan tidak sabar meneruskan cabaran bagi mencipta rekod baharu," kata Abner Moilie.

Pelajar tahun dua Universiti Malaysia Sabah (UMS) berusia 22 tahun yang hanya boleh melihat sehingga jarak 50 meter itu, mahu membuktikan masalah penglihatan terhad bukan penghalang melakukan aktiviti kecergasan, selain mencipta kejayaan membanggakan buat keluarga dan peribadi.

Abner, pelajar jurusan Sains Sukan mengakui berdebar, takut dan kurang yakin sebelum menjadi peserta pertama memulakan cabaran 'Larian Treadmill Berkumpulan Terjauh di Malaysia' untuk memecahkan Malaysia Book Of Records.

## 9 pelajar UMS turut serta

Menerusi cabaran itu, sembilan pelajar UMS akan berlari tanpa henti di atas pengisar injakan atau 'treadmill' secara bergilir-gilir selama enam hari bermula

semalam bagi memecahkan rekod Universiti Teknologi MARA (UiTM) Samarahan, Sarawak yang dicatat pada 2012.

"Selepas menamatkan larian dua jam tanpa henti hari ini (semalam), saya bertambah yakin dapat meneruskan cabaran ini hingga hari keenam.

"Saya agak gementar walau-pun hampir sebulan berlatih. Larian ini memang mencabar," katanya.

Pelancaran program disempurnakan Pembantu Menteri Belia dan Sukan negeri, Masiung Banah. Turut hadir, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Mohd Harun Abdullah.

Ibu Abner, Martina Guntalib, 55, berbangga dengan pencapaian anak sulungnya itu dan berharap dapat meneruskan larian hingga ke hari terakhir.



**Abner menjadi peserta pertama berlari atas treadmill sempena pelancaran Program 'Larian Treadmill Berkumpulan Terjauh di Malaysia' di Kota Kinabalu, semalam.** [FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]